Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025, 2013) menegaskan bahawa kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan menaakul (4M) perlu diperkukuhkan dari peringkat bawah iaitu prasekolah supaya murid-murid tidak tercicir dalam pembelajaran kerana setiap kemahiran yang diajar asasnya adalah berkebolehan membaca dan menulis. Sekolah wajib merancang program dan menentukan sumber pendidikan yang bersesuaian. Setiap sekolah dikehendaki mempunyai inisiatif sendiri untuk merancang program dan memilih serta menentukan sumber pendidikan yang sesuai dengan keperluan murid. Surat Pekeliling Ikthisas Bil. 4/2019 dikeluarkan untuk panduan panitia mata pelajaran dan pihak sekolah memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan. Panitia mata pelajaran perlu memilih dan mencadangkan kepada pihak pentadbir sekolah buku atau modul pembelajaran yang sesuai untuk digunakan oleh pelajar. Kesesuaian buku atau modul itu mestilah berkait rapat dengan kehendak sukatan pelajaran dan tahap kebolehan murid. KPM tidak lagi menyediakan modul sesuatu program selain daripada buku teks tetapi hanya dibekalkan di sekolah rendah dan menengah sahaja tetapi sebaliknya sekolah harus menyediakannya mengikut keperluan murid-murid. Ini bermakna bermula pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan mandat kepada sekolah sepenuhnya untuk mengatasi masalah penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira). Kementerian Pendidikan tidak menyediakan bahan bercetak seperti buku teks atau modul di prasekolah. Guru prasekolah hanya dibekalkan dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Prasekolah (DSKP) sebagai panduan supaya tidak tersasar daripada standard pembelajaran murid-murid. Guru prasekolah menggunakan





modul atau buku kerja yang terdapat di pasaran untuk mencapai objektif dalam bidang bahasa, namun bahan-bahan ini tidak mengkhususkan kepada mana-mana modul yang spesifik dan tidak tertakluk kepada modul yang dipertimbangkan oleh KPM sehingga menjadikan pembelajaran murid bercelaru (Mizan, 2013). Di samping itu, kehendak Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) untuk tunjang komunikasi Bahasa Melayu tidak dapat dipenuhi sepenuhnya. Walaupun instrumen pentaksiran adalah standard tetapi penggunaan bahan bercetak yang berbeza-beza telah menyebabkan jurang perbezaan penguasaan kebolehan membaca dan menulis yang sangat ketara dalam kalangan murid prasekolah di daerah Penampang, Sabah. Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) telah menggariskan beberapa strategi pelaksanaan untuk mencapai penguasaan kemahiran membaca dan menulis. Antaranya ialah menyediakan buku-buku dalam Bahasa Melayu yang sesuai untuk prasekolah sebagai bahan sokongan aktiviti membaca dan menulis.



1.3 Pernyataan Masalah

Kegagalan murid membaca dengan baik seringkali dikaitkan dengan kegagalan dalam peperiksaan. Kegagalan dalam peperiksaan ini banyak dipengaruhi oleh kesukaran murid-murid untuk memahami isi kandungan pelajaran yang dipelajari disebabkan oleh kegagalan mereka membaca dengan baik. Jumlah murid-murid Tahun Enam yang belum mencapai tahap minimum untuk semua mata pelajaran (gred E) dalam keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2018 di seluruh negeri ialah 5 834 orang sementara di Negeri Sabah sahaja ialah 997 orang (KPM, 2018). Murid-murid Tahun Enam yang memperoleh gred E dalam semua mata pelajaran ini dikenal





pasti sebagai murid yang cicir menguasai membaca dan sudah tentu memberi kesan kepada kemahiran menulis mereka (KPM, 2018). Situasi yang membimbangkan ini menggesa Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah untuk melakukan pemantauan dan mencari punca masalah ini berlaku supaya boleh diambil tindakan dengan efisien. Masalah membaca dan menulis murid Tahun Satu di awal persekolahan mereka menjadi tajuk perbincangan yang hebat dalam kalangan guru sekolah rendah. Murid-murid yang cicir dalam kemahiran membaca dan menulis akan menghadapi masalah mengikuti Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam semua mata pelajaran. Ramai murid yang baru memasuki Tahun Satu tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran yang baru dan ini mengakibatkan mereka berasa janggal dan tidak dapat mengikut pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini sudah pasti akan menimbulkan masalah kepada semua guru yang terlibat sebab terpaksa mengajar semula asas membaca dan menulis dan sudah pasti tidak dapat menghabiskan sukatan mata pelajaran.

Zainiah (2013) menyatakan bahawa Kanak-kanak yang telah berada selama tiga tahun masih tercicir memperoleh kemahiran membaca dan menulis sebaik sahaja menghabiskan persekolahan di prasekolah. Faktor utama penyebab ini adalah murid-murid yang tinggal di luar bandar hanya bertutur dalam bahasa ibunda mereka menyebabkan kemahiran membaca ini lambat dikuasai dan sudah pasti memberikan kesan kepada kemahiran menulis. Kenyataan ini dibuktikan oleh Tuzana (2014) bahawa faktor bahasa ibunda turut menyumbang kepada masalah penguasaan membaca disebabkan mereka tidak dapat mengembangkan penguasaan kemahiran membaca dan mengganggu kelancaran membaca. Kanak-kanak hanya bertutur dalam bahasa ibunda mereka di rumah, terutama sekali murid-murid yang tinggal di pedalaman.





Ibu bapa yang memandang ringan terhadap kehadiran anak-anak mereka ke sekolah kerana merasakan bahawa anak mereka masih berada di prasekolah akan menyebabkan ketinggalan dalam pembelajaran dan kadang-kadang guru tidak akan mengulang kembali pengajaran yang telah dilakukan dan ini telah menyebabkan salah satu punca murid-murid tidak dapat membaca dan menulis Haseena Banu (2016).

Pendekatan dan kaedah pengajaran guru juga boleh menyumbangkan kepada faktor murid tidak boleh membaca dan menulis. Menurut Taman Timbang et. al. (2016), hasil dapatan kajian mereka mendapati bahawa kaedah pengajaran guru merupakan salah satu punca berlakunya masalah membaca dalam kalangan murid. Masalah dalam kaedah pengajaran guru yang boleh dirumuskan kepada tiga punca utama, iaitu (i) kurang pengalaman, (ii) penggunaan kaedah pengajaran membaca secara beramai-ramai dan individu, dan (iii) tidak ada kaedah yang berkesan dalam pengajaran. Kajian mereka dapat membuktikan bahawa guru tidak dapat mempersembahkan pengajaran dan pembelajaran mereka dengan berkesan. Selain itu bahan pembelajaran murid juga sangat penting. Menurut Mahzan Arshad & Chee Sook Ching (2017) kaedah pengajaran konvensional yang diamalkan oleh kebanyakan guru gagal menarik minat kanak-kanak dalam proses pembelajaran kemahiran membaca dan menulis. Guru perlu menggunakan bahan bantu yang bersesuaian dengan keupayaan kanak-kanak.

Justeru itu, kajian ini telah membangunkan sebuah modul yang dinamakan modul Baca-Tulis untuk menyokong aktiviti pembelajaran membaca dan menulis murid prasekolah. Modul Baca-Tulis ini memang berbeza dengan modul-modul pembelajaran yang dibangunkan sebelum ini. Modul Baca-Tulis ini menyediakan aktiviti membaca dan menulis serentak. Kemahiran yang terdapat dalam DSKP



Prasekolah dijadikan asas untuk membina aktiviti membaca dan menulis dengan menyesuaikan keperluan dan keupayaan murid prasekolah yang pelbagai latar belakang. Model ADDIE (Rosset, 1987) digunakan untuk memastikan modul yang dibangunkan memenuhi semua keperluan kebolehan membaca dan menulis yang merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Usaha ini adalah mengambil kira tujuan pembelajaran, sasaran masalah yang ingin diselesaikan, tahap keupayaan murid dan sumber bahan pendidikan yang sesuai.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membantu menyelesaikan masalah murid prasekolah yang belum menguasai kebolehan membaca dan menulis dengan membangunkan modul Baca-Tulis. Bersandarkan modul yang telah dibangunkan maka penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan terhadap kebolehan membaca dan menulis murid prasekolah. Penilaian pandangan daripada guru prasekolah tentang kandungan modul ini juga diambil kira untuk memastikan modul ini sesuai dengan keperluan murid prasekolah. Akhirnya modul Baca-Tulis ini dapat digunakan untuk menyokong aktiviti pembelajaran membaca dan menulis supaya dua kemahiran ini dapat dikuasai sepenuhnya sejak awal lagi.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan modul Baca-Tulis prasekolah.
2. Menilai keberkesanan modul Baca-Tulis yang dibangunkan berdasarkan kerangka model CIPP (2003) berpandukan dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk dari sudut pandangan guru.
3. Mengenal pasti tahap kebolehan membaca dan menulis dari aspek huruf, suku kata, perkataan dan ayat sebelum mendapat intervensi antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
4. Mengenal pasti tahap kebolehan membaca dan menulis dari aspek huruf, suku kata, perkataan dan ayat selepas mendapat intervensi antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, soalan kajian dibangunkan seperti berikut:

1. Bagaimanakah modul Baca-Tulis prasekolah dibangunkan?
2. Apakah pandangan guru tentang keberkesanan modul Baca-Tulis yang dibangunkan berdasarkan kerangka model CIPP (2003) berpandukan dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk.
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kebolehan (a) menyebut huruf, (b) membaca suku kata (c) membaca perkataan dan (d) membaca ayat terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kebolehan menulis (a) huruf, (b) suku kata, (c) perkataan dan (d) ayat terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat intervensi.

1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini ingin menguji hipotesis nol seperti yang dinyatakan berikut:

H_{01.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menyebut huruf kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.

H_{01.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menyebut huruf kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.

H_{01.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca dari aspek sebutan huruf kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.

H_{02.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca suku kata kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.

H_{02.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca suku kata kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.

H_{02.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor kebolehan membaca suku kata kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis

H_{03.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca perkataan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.


- H_{03.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca perkataan kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{03.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca perkataan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{04.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca ayat kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.
- H_{04.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca ayat kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{04.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan membaca ayat kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{05.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis huruf kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.
- H_{05.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis huruf kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{05.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis huruf kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.

- H_{06.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis suku kata kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.
- H_{06.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis suku kata kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{06.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis suku kata kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{07.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis perkataan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.
- H_{07.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis perkataan kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{07.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis perkataan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{08.1} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis ayat kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.
- H_{08.2} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis ayat kumpulan rawatan sebelum dan selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis.
- H_{08.3} Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap min skor ujian kebolehan menulis ayat kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas intervensi

pengajaran dan pembelajaran kaedah konvensional dan menggunakan modul Baca-Tulis.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kajian ini secara amnya memberi penekanan kepada tiga peringkat iaitu peringkat pembangunan modul Baca-Tulis mendasari model ADDIE, peringkat pelaksanaan modul Baca-Tulis dan peringkat penilaian menggunakan model CIPP, ujian pra dan ujian pasca.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Pengajaran guru dalam kelas perlulah disokong melalui bantuan bahan sama ada dalam bentuk bercetak atau *digital* yang mengandungi latihan-latihan lebih bersistematik dan sesuai dengan kemahiran yang hendak dipelajari (Davis, 2015). Penggunaan bahan rangsangan seperti modul yang bersesuaian akan menarik minat dan



perhatian mereka untuk belajar (Anida et.al, 2016). Bahan bercetak dapat meningkatkan kelancaran membaca dan pemahaman kanak-kanak tentang apa yang dibaca (Aliza & Zamri, 2016). Penggunaan multimedia interaktif juga dapat membantu meningkatkan prestasi kemahiran membaca murid-murid. (Abdul Rashid Jamian et.al.,2012; Ratna Mohd Razali dan Adenan Ayob, 2018). Justeru itu, kajian ini dimulakan dengan pembangunan modul terlebih dahulu iaitu modul Baca-Tulis. Modul ini mengetengahkan aktiviti membaca dan menulis. Isi kandungan modul disusun secara sistematik agar dapat membantu dalam meningkatkan pemahaman menguasai setiap kemahiran (Salbiah et.al, 2013). Proses pembelajaran murid-murid akan berlaku serentak iaitu membaca dan menulis. Pembangunan modul Baca-Tulis ini bersandarkan kepada reka bentuk instruksional model ADDIE (1987). Setiap peringkat dalam pembangunan modul ini mempunyai peranannya tersendiri dan berkait antara satu sama lain.



Seterusnya, pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul Baca-Tulis dilaksanakan untuk kumpulan rawatan sementara pula kumpulan kawalan menggunakan pendekatan biasa atau konvensional. Proses pengajaran dan pembelajaran ini telah dijalankan selama tiga bulan secara berterusan oleh guru prasekolah di dua buah sekolah yang terlibat dengan kajian ini.

Penilaian keberkesanan modul Baca-Tulis sebagai bahan pengajaran dilakukan dengan menjalankan kajian melalui temu bual dengan guru yang menggunakan modul Baca-Tulis mengkhususkan dari sudut pandangan, pendapat dan persepsi mereka. tinjauan dari perpekstif pengajaran guru. Model CIPP (*context, input, process, product*) telah digunakan untuk menilai keberkesanan modul Baca-Tulis. Min skor murid-murid dalam ujian pra dan ujian pasca pula digunakan untuk mengenal pasti kebolehan



membaca dan menulis sebelum dan selepas intervensi diantara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

1.9 Definisi Operasioanal

Istilah-istilah yang didefinisikan dalam penyelidikan ini adalah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

1.9.1 Pembangunan Modul

Merujuk kepada Kamus Dewan (2005) Edisi Keempat, pembangunan membawa maksud perbuatan berkaitan dengan kegiatan atau usaha untuk membangunkan atau membina sesuatu. Aldoobie (2015) pula mentakrifkan pembangunan sebagai teknik pelaksanaan atur cara berstruktur yang bermula dengan modul yang paling rendah. Sementara itu pula, menurut Hosnan (2016) modul adalah bahan bercetak yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah mahu pun di rumah. Dalam kajian ini, pembangunan modul yang dimaksudkan adalah membangun modul Baca-Tulis untuk aktiviti pembelajaran menguasai kebolehan membaca dan menulis murid prasekolah dengan bersandarkan model ADDIE (1987).

1.9.2 Penilaian Modul

Penilaian adalah satu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat untuk tujuan melihat keberkesanan pendekatan, kaedah, teknik atau bahan pengajaran dan pembelajaran seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan (Zainal Ariffin, 2016). Dalam konteks kajian ini penilaian modul adalah aspek terpenting untuk melihat keberkesanan dan kebolegunaan modul Baca-Tulis selain dapat melihat tahap penguasaan kebolehan membaca dan menulis murid prasekolah. Penilaian modul Baca-Tulis diperolehi dengan menggunakan pendekatan kualitatif kaedah temu bual separa berstruktur dari sudut pandangan guru berdasarkan model CIPP (Sufflebeam, 2003) dan penilaian mengenal pasti kebolehan membaca dan menulis menggunakan pendekatan kuantitatif kaedah kuasi-eksperimen iaitu hasil ujian pra dan ujian pasca.

1.9.3 Modul Baca-Tulis

Sidek & Jamaludin (2005) mengatakan bahawa isi kandungan modul perlu disusun atur secara sistematik supaya objektif yang digariskan dapat dicapai dalam satu-satu kemahiran. Isi kandungan dan kemahiran yang terdapat dalam modul Baca-Tulis mengandungi bahan pembelajaran yang disusun rapi di mana murid prasekolah belajar membaca dan menulis bermula dengan huruf, suku kata, perkataan dan ayat. Modul pembelajaran yang dibangunkan ini akan dapat membantu murid prasekolah menguasai kebolehan membaca dan menulis.



1.9.4 Model CIPP (*Contexts, Input, Process, Product*)

Penilaian terhadap keberkesanan bahan pembelajaran adalah satu kemestian untuk mengetahui sama ada bahan pembelajaran tersebut sesuai digunakan kepada sasarannya. Penilaian yang dilaksanakan pula perlulah ada panduan supaya setiap aspek dalam kandungan bahan pembelajaran itu dapat dinilai keberkesanannya dan juga boleh ditambah baik (Afzal Hussain et.al., 2011). Oleh yang demikian pemilihan model penilaian yang sesuai adalah perkara yang sangat penting dalam pelaksanaan penilaian.

Model CIPP adalah sinonim digunakan dalam menilai kurikulum dan juga program. Stufflebeam (2003) mentakrifkan bahawa penilaian menurut CIPP ialah merupakan pemeriksaan yang sistematik untuk menentukan nilai satu program atau pun subjek yang dinilai. Dalam kajian ini, model CIPP (Stufflebeam, 2003) digunakan untuk menilai keberkesanan modul Baca-Tulis yang telah dibangunkan berdasarkan kerangka kerja model CIPP (2003) berpandukan dimensi-dimensi *contexts* (konteks), *input* (pengisian), *process* (proses) dan *products* (produk), dari sudut pandangan guru.

1.9.5 Membaca

Membaca menurut teori psikolinguistik kognitif, pemerolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang bermula sejak dia dilahirkan ialah selari dengan teori Nativis yang dipelopori oleh Noam Chomsky (1957) iaitu kanak-kanak yang dilahirkan mempunyai keupayaan berbahasa secara semula jadi dan ini dapat membantu mereka untuk membaca kelak. Aliza (2014) mengemukakan definisi membaca sebagai satu proses



iaitu bermaksud informasi dari teks dan pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca mempunyai peranan yang utama dalam membentuk makna Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Prasekolah (2017) pula memberi pengertian membaca merujuk kepada murid-murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul dengan menggunakan teknik bacaan dan penekanan diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu, bahan sastera dan bukan sastera secara kritis (KPM, 2017). Dalam kajian ini, membaca merujuk kepada bacaan secara mekanis iaitu bersuara dengan sebutan yang jelas.

1.9.6 Menulis

Secara umumnya perlakuan menulis ialah aktiviti yang menggunakan pen, pensel atau sebarang alat tulis untuk menulis idea atau pernyataan. Klimova (2014) mendefinisikan menulis ialah proses menulis untuk menggabungkan idea di dalam ayat dan perenggan. Dalam kajian ini, aktiviti menulis dilihat dalam dua peringkat iaitu peringkat penulisan mekanis dan peringkat penulisan mentalis. Penulisan mekanis dalam kajian ini membawa maksud, kanak-kanak berupaya menulis huruf, suku kata, perkataan dan ayat dengan betul, cantik, kemas dan mudah dibaca sementara penulisan mentalis bermaksud kanak-kanak berupaya menulis struktur ayat dengan betul seterusnya ayat yang ditulis adalah bermakna berdasarkan kepada bahan rangsangan.



1.9.7 Huruf

Huruf rumi adalah penulisan yang diterima pakai diperingkat antarabangsa. Ianya mempunyai 26 abjad dan para sarjana pengkaji bahasa membahagikannya kepada dua iaitu huruf vokal dan huruf konsonan. Huruf vokal terdiri daripada *a, e, i, o* dan *u* manakala huruf konsonan pula selain dari huruf vokal tersebut. Kebiasaannya di sekolah huruf vokal akan diperkenalkan terlebih dahulu kepada kanak-kanak dengan menyebut bunyi huruf tersebut. Semua bunyi vokal adalah merupakan bunyi-bunyi yang mengeluarkan suara (Nik Hassan Basri Ab.Kadir (2012). Huruf konsonan ada yang bersuara dan tidak bersuara. Dalam kajian ini, huruf konsonan dan huruf vokal diperkenalkan kepada murid prasekolah di mana aktiviti mengenali huruf-huruf disediakan secara verbal dan pengamatan membandingkan huruf kecil dan besar serta juga menunjukkan huruf-huruf yang disebut oleh guru tanpa panduan. Murid-murid akan menulis huruf-huruf tersebut semasa ianya disebut.

1.9.8 Suku kata

Suku kata merupakan unit asas pembentuk bunyi sesuatu bahasa. Kehadiran huruf vokal dan huruf konsonan ini mestilah bersama-sama kerana suku kata hanya boleh terbentuk apabila ada bunyi vokal kerana bunyi konsonan tidak dapat membentuk suku kata (Chong.P.H.et.al., 2016). Dalam kajian ini, suku kata diajar dengan mencantumkan huruf konsonan dengan huruf vokal. Murid-murid akan menyebut suku kata tanpa mengeja tetapi membaca suku kata tersebut berdasarkan rangsangan. Dalam aktiviti menulis, murid-murid akan membunyikan suku kata tersebut sambil menulis.





1.9.9 Perkataan

Perkataan adalah satu unit gabungan huruf yang digunakan dalam bahasa (Nik Hassan Basri Ab Kadir, 2012) Gabungan huruf-huruf ini akan mempunyai maksud yang tertentu. Suku kata yang dibincangkan sebelum ini mempunyai perkaitan dengan perkataan. Perbezaannya ialah permulaan belajar membaca lebih kepada penyebutan suku kata seterusnya akan membentuk perkataan yang bermakna. Dalam kajian ini, kanak-kanak akan menyebut atau membaca perkataan tersebut berdasarkan kepada gambar yang ditunjukkan. Ianya dimulakan dengan membaca perkataan yang mengandungi dua suku kata sehinggalah perkataan yang mengandungi imbuhan awalan dan akhiran. Dalam aktiviti menulis pula, murid-murid akan menulis perkataan berdasarkan bahan rangsangan yang ditunjukkan.



1.9.10 Ayat

Ayat ialah unit tatabahasa yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu patah perkataan yang membawa hubungan sintaksis dengan disusuli oleh perkataan-perkataan lain sehingga terbentuk ayat yang bermakna. Ayat juga boleh diertikan yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang dikumpulkan dengan penuh bermakna untuk mengungkapkan kenyataan, soalan, permintaan, perintah ataupun cadangan (Nik Hassan Ab Kadir, 2012).

Murid akan dapat menguasai pembacaan ayat apabila telah menguasai huruf, suku kata dan perkataan. Dalam kajian ini, guru akan menggunakan pendekatan-





pendekatan yang telah dibincangkan sebelum ini agar murid dapat membaca dengan lancar seterusnya memahami teks bacaan tersebut. Guru juga mempelbagaikan cara supaya murid tertarik dengan bahan bacaan. Guru menggunakan kad-kad perkataan dan menyusun kad-kad perkataan tersebut menjadi ayat bermakna berpandukan atau tanpa bahan rangsangan. Dalam aktiviti menulis pula, murid akan menyalin ayat yang telah dibina. Selain itu, guru akan membimbing murid menulis cerita pendek. Guru mempelbagaikan teknik penyoalan supaya murid dapat memahami teks yang dibaca.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan beberapa situasi berdasarkan batasan seperti berikut:

Pertamanya ialah sampel kajian dipilih daripada populasi murid prasekolah KPM daerah Penampang yang dipilih secara rawak. Empat buah prasekolah luar bandar terpilih dan 100 orang diambil sebagai sampel kajian. Diagihkan kepada dua kumpulan iaitu 50 orang untuk kumpulan kawalan dan 50 orang lagi dalam kumpulan rawatan. Murid prasekolah dalam kajian ini adalah mereka yang berusia enam tahun dan berada tahun kedua dalam persekolahan mereka. Kedua, Kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh institusi prasekolah seluruh negara. Ketiga, hasil kajian ini bergantung kepada interpretasi guru yang melaksanakan ujian pra dan ujian pasca terutama sekali kebolehan membaca. Keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili seluruh organisasi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Walaupun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi dalam mengenal pasti tahap kebolehan membaca dan menulis murid prasekolah KPM dan



membangunkan modul yang sesuai mengikut keperluan murid untuk memastikan bahawa objektif yang digariskan dalam KPSK dapat dicapai.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan tahap kebolehan membaca dan menulis setelah menggunakan modul Baca-Tulis. Modul Baca-Tulis dibangunkan untuk aktiviti membaca dan menulis. Pembelajaran dalam modul ini disusun dengan kemas bermula dari mengenal huruf sehinggalah membina ayat dan mengambil kira keupayaan kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (nilai dan sikap). Hasil kajian ini boleh memberi *input* signifikan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam dunia pembelajaran awal kanak-kanak.



1.11.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Melalui kajian ini, pihak KPM dapat mengetahui kesesuaian modul yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dan menulis di prasekolah. Impak yang positif terhadap kebolehan membaca dan menulis murid prasekolah yang ditunjukkan dalam kajian ini dapat dijadikan sokongan untuk pihak KPM menjadikan modul ini sebagai modul yang standard dan diguna pakai oleh seluruh institusi prasekolah di bawah KPM khususnya dan tadika-tadika yang menggunakan KSPK amnya.





1.11.2 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Bahagian Pembangunan Kurikulum sebagai organisasi yang bertanggungjawab dalam menggubal kurikulum dapat gambaran sebenar keperluan penggunaan modul untuk aktiviti membaca dan menulis di prasekolah. Di samping itu juga, kajian penggunaan modul ini dapat membantu organisasi ini untuk melihat aspek yang perlu diberi perhatian semasa membangunkan modul seperti latar belakang, persekitaran murid, kesesuaian bahasa dengan lokasi murid, gambar yang menarik dan saiz cetakan huruf yang jelas dan sebagainya.

1.11.3 Sekolah



Sekolah adalah organisasi yang sangat bertanggungjawab bagi memastikan murid prasekolah di bawah pentadbirannya tidak akan tercicir dalam menguasai kebolehan membaca dan menulis. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pihak sekolah menentukan bahan sokongan pembelajaran aktiviti membaca dan menulis agar murid prasekolah yang melanjutkan persekolahan mereka ke sekolah rendah tidak akan tercicir dalam pembelajaran mereka. Aktiviti dalam modul ini disesuaikan dengan konsep pembelajaran di prasekolah iaitu 'belajar melalui bermain'.





1.11.4 Guru Prasekolah

Guru prasekolah menjadi lebih kreatif dalam merancang aktiviti membaca dan menulis. Guru prasekolah mampu mengubah kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid prasekolah. Modul ini mungkin boleh dijadikan modul yang standard untuk aktiviti membaca dan menulis.

1.11.5 Murid Prasekolah dan Ibu bapa

Ibu bapa juga yakin membantu anak-anak melakukan aktiviti membaca dan menulis di rumah dengan menggunakan modul ini. Sesuai dengan peranan ibu bapa yang dijelaskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) di mana mereka perlu bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memberikan bimbingan dan memberikan galakan demi untuk kecemerlangan anak mereka agar berupaya menghadapi dunia yang global ini.

1.12 Kesimpulan

Cabaran guru-guru Tahun Satu yang sentiasa berhadapan dengan masalah murid-murid dari prasekolah yang masih belum menguasai kebolehan membaca dan menulis dengan baik setiap tahun bukanlah suatu perkara baharu. Kenyataan ini telah dibuktikan dengan data yang dibincangkan dan disokong oleh kajian-kajian lepas dalam bahagian pernyataan masalah. Objektif kajian yang membawa kepada soalan-soalan kajian untuk





menjawab hipotesis-hipotesis telah disenaraikan. Kerangka konseptual telah dibentangkan secara ringkas dalam bab ini dan perbincangan lebih lanjut akan dilakukan dalam bab berikutnya.

